

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(VIII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

3. Isu warga asing menjalankan perniagaan telah menjaskan kehidupan rakyat tempatan.
 - (a) Nyatakan syarat-syarat untuk peniaga warga asing, misalnya jenis perniagaan yang hanya boleh diceburi oleh warga asing.
 - (b) Adakah kerajaan akan mengadakan polisi lebih teratur supaya perniaga warga tempatan tidak terancam?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) secara dasarnya tidak menetapkan jenis perniagaan yang boleh diceburi oleh warga asing tetapi sebaliknya menetapkan syarikat yang dimiliki oleh warga asing mestilah didaftarkan di bawah kategori Sendirian Berhad sebelum dibenarkan membuat permohonan lesen perniagaan di pihak PBT.

Lain-lain syarat am bagi permohonan lesen premis adalah seperti di **Lampiran A**.

Pihak Kerajaan Negeri melalui PBT sememangnya sudah mempunyai polisi dan garis panduan bagi sebarang permohonan perniagaan dari mana-mana warga asing walaupun bertaraf penduduk tetap. Namun, pembaharuan dan penambahbaikan

terhadap polisi yang sedia ada akan dibuat supaya peniaga warga tempatan tidak terancam dengan mengenakan beberapa syarat tambahan seperti berikut:-

- (i) Melarang pengambilan tukang masak warga asing di pusat-pusat penjaja bagi menjamin kualiti dan memastikan kebajikan tukang masak tempatan terpelihara;
- (ii) Menetapkan supaya sekurang-kurangnya sebanyak 30% pekerja daripada jumlah pekerja ketika pemeriksaan dijalankan mestilah terdiri daripada pekerja / pembantu warga tempatan bagi premis perniagaan;
- (iii) Tidak mengeluarkan lesen penjaja terhadap penjaja warga asing; dan
- (iv) Melarang sepenuhnya penjaja-penjaja jalanan menggunakan pekerja / pembantu warga asing.